



بروني دارالسلام سنترال بنغا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

## SIARAN AKHBAR

### **BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (*BUSINESS SENTIMENT INDEX*) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN DISEMBER 2021**

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau *Business Sentiment Index (BSI)* bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan Disember 2021. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik yang disertai oleh perniagaan-perniagaan yang terpilih dari pelbagai saiz termasuk mikro, kecil, sederhana dan besar dari kesemua empat (4) daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan-perniagaan di Negara Brunei Darussalam dan mengandungi soalan-soalan am yang berkaitan dengan keadaan dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, jumlah pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI ini menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk makroekonomi.
3. Keterangan bagi indeks berkenaan adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
50 Ke Atas	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
50 Ke Bawah	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan (9) sub-indeks dalam BSI. Bagi bulan Disember 2021, sub-indeks Keadaan Perniagaan, yang dianggap sebagai indeks utama BSI, adalah pada kadar 50.3. Setelah indeks berkenaan mencatatkan pengucupan pada bulan September 2021, Alhamdulillah, optimism mula kian mengembang bagi kali ketiga pada bulan Disember 2021, dengan kebanyakan sektor merekodkan sentimen yang positif. Sejak gelombang kedua wabak COVID-19 pada bulan Ogos 2021, perniagaan-perniagaan telah menghadapi pelbagai cabaran dan gangguan kepada operasi mereka. Melihat ke hadapan, perniagaan-perniagaan secara amnya adalah lebih optimistik di mana indeks bagi satu bulan ke hadapan adalah 50.4 dengan kebanyakan



**بروني دارالسلام سنترال بڠا**  
**BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

sektor berpandangan bahawa aktiviti perniagaan akan meningkat dengan bermulanya Fasa Peralihan pada bulan November 2021 dan pelonggaran langkah-langkah kawalan COVID-19.

5. Sub-indeks Pelaburan adalah pada kadar 50.0 bagi bulan Disember 2021 berbanding dengan 49.9 bagi bulan November 2021, 50.3 untuk satu [1] bulan ke hadapan dan 50.6 untuk tiga [3] bulan berikutnya. Ini menunjukkan bahawa sektor swasta pada amnya telah mengalami peningkatan dalam pelaburan bagi bulan Disember 2021 berbanding dengan bulan November 2021. Sehubungan dengan itu, perniagaan juga telah menyatakan pelan untuk meningkatkan pelaburan pada bulan Januari 2022 dan dalam jangka masa tiga [3] bulan kemudian, selaras dengan harapan mereka bahawa Fasa Endemik akan memacu pertumbuhan projek-projek dan aktiviti-aktiviti perniagaan.
6. Sub-indeks Pengambilan Pekerja adalah pada kadar 50.5 bagi bulan Disember 2021 dan 50.1 bagi satu [1] bulan ke hadapan. Ini menunjukkan pengambilan pekerja baharu pada bulan Disember 2021 dan juga rancangan untuk meningkatkan lagi pengambilan pekerja dalam sektor swasta secara amnya, pada bulan Januari 2022. Perniagaan-perniagaan juga menyatakan bahawa kadar pemberhentian kerja yang tinggi dalam sektor swasta telah meningkatkan keperluan pengambilan pekerja baharu, terutama sekali pekerja-pekerja separuh masa, untuk menampung peningkatan aktiviti-aktiviti perniagaan pada bulan Disember 2021. Seperti pada bulan November 2021, perniagaan-perniagaan secara amnya telah menyatakan cabaran yang dialami dalam pengambilan tenaga pekerja asing di mana kebanyakan mereka telah pulang ke negara asal dengan penamatan tempoh kontrak. Bagi menyelesaikan isu kekurangan pekerja, beberapa perniagaan juga telah mengongsikan cabaran yang dialami dalam pengambilan dan pengekalan tenaga kerja tempatan..
7. Sub-indeks Kos adalah pada kadar 50.4 dan 50.2 masing-masing bagi bulan Disember 2021 dan Januari 2022. Ini menunjukkan bahawa perniagaan-perniagaan telah mengalami peningkatan kos dalam menjalankan perniagaan mereka bagi bulan Disember 2021 berbanding dengan bulan November 2021. Perniagaan juga menjangkakan peningkatan kos yang berterusan pada bulan Januari 2022. Secara amnya, jangkaan peningkatan kos perniagaan ini adalah selaras dengan pengambilan pekerja baharu pada bulan-bulan akan datang, pembayaran bonus hujung tahun pekerja, pembelian tiket penerbangan balik bagi pekerja-pekerja asing yang telah mansuh kontrak, kenaikan kos bahan mentah dan juga kos penghantaran.



بروني دارالسلام سنترال بڠا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

BSI Disember 2021	
Keadaan Perniagaan	50.3
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.6
Pengambilan Pekerja	50.5
Pengambilan Pekerja Satu Bulan Ke Hadapan	50.1
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.4
Kos Satu Bulan ke hadapan	50.2

8. Dari segi sektor ekonomi, sentimen optimistik telah dicatat dalam tujuh (7) daripada sebelas (11) buah sektor ekonomi bagi bulan Disember 2021 terutama sekali dalam sektor Pengangkutan & Komunikasi, Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan, Hotel & Restoran, Kewangan & Insurans, dan Kesihatan & Pendidikan. Antara sebab-sebab yang diberikan termasuk peningkatan dalam permintaan, kenaikan dalam kadar vaksinasi di kalangan penduduk dan peningkatan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan seperti *dine-in* yang dijangkakan dalam Fasa Awal Endemik. Sektor Perkhidmatan Lain menunjukkan penurunan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan pada hujung tahun. Pada bulan yang sama, sektor Pembinaan juga kekal pesimistik dengan ketiadaan projek-projek yang baharu. Sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman mencatatkan sentimen yang sama seperti bulan November 2021 dengan ketidaktentuan yang masih dialami disebabkan oleh pandemik. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, Disember 2021 menunjukkan penambahbaikan berbanding dengan bulan sebelumnya di mana empat (4) buah sektor telah mencatatkan sentimen yang pesimistik atau penguncupan.

Keadaan Perniagaan Disember 2021 Mengikut Sektor	
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.3
Pembuatan	50.0
Pembinaan	49.5
Perdagangan Borong & Runcit	50.3
Pengangkutan & Komunikasi	50.6
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.6
Kewangan & Insurans	50.4



**بروني دارالسلام سنترال بڠا**  
**BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Hotel & Restoran	50.5
Kesihatan & Pendidikan	50.2
Perkhidmatan Lain	49.9

9. Dari segi indeks keadaan perniagaan mengikut saiz perniagaan, perusahaan-perusahaan mikro masih mengalami keadaan perniagaan yang merosot, manakala perusahaan-perusahaan kecil dan besar berpendapat bahawa keadaan perniagaan semakin pulih pada bulan Disember 2021. Sentimen positif ini adalah berikutan pelonggaran dalam langkah-langkah kawalan COVID-19 yang telah membawa kepada pemulihan aktiviti perniagaan melalui penjualan yang meningkat dan juga projek baru. Pengusaha-pengusaha sederhana mencatatkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.

<b>Keadaan Perniagaan Disember 2021 mengikut ukuran</b>	
Mikro	49.9
Kecil	50.1
Sederhana	50.0
Besar	50.3

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di <https://www.bdcg.gov.bn> dan mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**


Tarikh: 7 Jamadilakhir 1443H / 10 Januari 2022M

Rujukan: BDCB/COMMS/03



بروني دارالسلام سنترال بڤعا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

LAMPIRAN 1




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.



بروني دارالسلام سنترال بڠكا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

Pelaburan




*Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.*

*Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*



بروني دارالسلام سنترال بڠكا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

Pengambilan Pekerja




*Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.*

*Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*



بروني دارالسلام سنترال بڤغا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos, manakala indeks kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.






# بروني دارالسلام سنترال بڠكا

## BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

### BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Disember 2021




*Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*



بروني دارالسلام سنترال بڤعا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



*Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*